

LAPORAN PENILAIAN
GO i-LEARN DAY
JANUARI - MAC

BAHAGIAN
PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN
DAN PENGKOMERSILAN

PUSAT i-LEARN
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

2010



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN
KAJIAN PENILAIAN PROGRAM
JANUARI - MAC 2010

PROGRAM
Go i-Learn Day

BAGI

KAMPUS SERI ISKANDAR UiTM PERAK
KAMPUS KOTA KINABALU UiTM SABAH

&

FAKULTI PERGIGIAN

DI

UiTM SHAH ALAM



L'NIVKKSITI
ri'K.\()i.oc,i
MARAA

((H s§3	en \$!
---------	--------

ISO 9001:2000 No. Sijil KIR 0404089

I

pcnccnninn

^

i-Learn Centre
Academic Affairs Division
UiTM

PENGENALAN

Menuntut ilmu merupakan suatu kewajiban yang amat dituntut kepada setiap umat manusia tidak kira masa atau usia. Proses pembelajaran sebenarnya berlaku sepanjang hayat. Terdapat pelbagai kaedah dan alat yang boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran dan ianya sentiasa berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran masa. Kemajuan sains dan teknologi telah banyak mengubah cara manusia berurusan dalam apa saja bidang termasuklah dalam bidang pendidikan dan pembelajaran. Kini, penggunaan ICT dalam dunia pendidikan dan pembelajaran semakin dipertingkatkan dari masa ke semasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai. Antaranya ialah :

- I. Mendapatkan maklum balas pelanggan yang akan digunakan dalam membentuk program-program masa depan bagi pembangunan '*e-learning*'.
- II. Meningkatkan kualiti program dengan mengenal pasti prestasi kemajuan dan kelemahan program dalam memenuhi keperluan pembangunan '*e-learning*'.

KEPENTINGAN KAJIAN

Antara kepentingan kajian ini adalah:

Kajian ini adalah sebahagian praktis pengurusan kualiti Pusat i-Learn Hal Ehwal Akademik Universiti Teknologi Mara, Malaysia yang menggunakan kaedah analisa kajian daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada peserta selepas program dijalankan bagi tujuan mengenalpasti kekuatan, kelemahan dan ruang untuk ditambahbaik. Ia juga menyediakan laporan dalam menentukan keperluan-kepehuan pada masa akan datang yang mana melibatkan satu siri data (*historical data*) yang menjadi rujukan dari semasa ke semasa.

Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak pengurusan i-Learn dalam merangka semua aktiviti pada masa akan datang dengan lebih berkesan. Analisa kajian ini diharap dapat membantu pihak pengurusan i-Learn dalam mencari kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki seterusnya meningkatkan kualiti program dengan mengambil langkah bijak dengan menangani masalah yang timbul bagi pembangunan keperluan e-learning.